KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	16/1/2022 (AHAD)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			

Anggota Senoi Praaq bantu jejak 'pak belang'

Tumpat: Seramai 29 anggota Senoi Praaq dari Batalion 3 Pasukan Gerakan Am (PGA) Bidor, Perak akan mengesan dan mengawal harimau belang yang berkeliaran dekat Pos Bihai di Gua Musang.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Shafien Mamat, berkata seramai 19 anggota akan melaporkan diri Rabu ini dan selebihnya akan menyusul.

"Kami menerima permohonan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

"Anggota sudah pun hadir taklimat polis daerah Gua Musang dan agensi berkaitan untuk penugasan," katanya ditemui semalam.

Shafien berkata, penugasan anggota Senoi Praaq yang lebih mahir dengan keadaan hutan itu membabitkan pergerakan masyarakat Orang Asli di kampung itu bagi mengelakkan menghampiri kawasan berisiko.

Anggota polis dari Kontinjen Kelantan juga akan bersama dalam penugasan itu dan akan ditempatkan di luar kawasan hutan, iaitu sepanjang jalan ke kampung berkenaan. BH

16.1.2022_14